

FOTO ESEI



CORAK hiasan yang terdapat pada bahagian dinding menara memudahkan pengaliran udara keluar masuk ke bangunan ini.

GAMBAR sejarah bangunan dan kawasan sekitar menghiasi dinding menara.

ATAP genting digunakan dalam pembinaan menara ini.

HIASAN menara ini masih berada dalam keadaan baik.



'Menara Pisa' ikon T

MENARA Condong Teluk Intan, sebenarnya sebuah menara tangki air lama. Kini, ia menjadi mercu tanda Teluk Intan, Perak.

Lokasi menara ini terletak di antara pertemuan dataran segi empat iaitu Jalan Pasar dan Jalan Ah Cheong dengan Jalan Selat dan Jalan Bandar di kiri dan kanan menara.

Keunikannya menyerupai Menara Pisa, Itali.

Mula dibangunkan pada tahun 1882, ia menjadi condong dengan sendirinya disebabkan perubahan tanah yang menjadi asas bangunan tersebut.

Walaupun begitu, kecondongannya tidak mengubah struktur bangunan tersebut dan kekal condong sehingga kini.

Menara itu telah dibina oleh kontraktor dan arkitek kaum Cina, Leong Choon Cheong dan berfungsi sebagai tangki simpanan air untuk bekalan penduduk setempat. Tangki ini diperbuat daripada kepingan keluli



Oleh **ASMARUDDIN JAMALUDDIN**



setinggi 4.87 meter.

Di samping itu, ia berfungsi sebagai menara jam yang akan berbunyi setiap 15 minit.

Jam berkunci dari London buatan Firma J.W. Benson-Ludgatehill London ini dibeli hasil sumbangan penduduk tempatan.

Seni bina

Menara condong ini juga dikenali sebagai Jam Tinggi berikutan ketinggiannya 25.9 meter.

Bangunan tiga tingkat ini mempunyai 110 anak tangga dan dilengkapi sebuah jam besar yang boleh dilihat dari jauh.

Pada bahagian bawahnya dihiasi pasu bunga, lantai marmar, gambar-gambar sejarah dan sebuah gerai menjual

cenderamata.

Terdapat juga sebuah kolam di tengah-tengah struktur bangunan ini yang menjadi tempat pelancong asing membalang wang syiling sambil bernilai sesuatu.

Kerusi rehat disediakan di beberapa sudut untuk berehat.

Kawasan sekitar menara telah diturap dengan bata sesuai untuk pelbagai aktiviti sama ada rasmi atau tidak rasmi.

Tarikan utama di menara condong Teluk Intan adalah keunikan seni bina bangunan itu.

Pengaruh seni bina Cina sangat kuat kerana penderma dan kontraktor adalah keturunan Cina.

Jadi, ia berkonsepkan pagoda yang berbentuk menara bertingkat-tingkat dengan setiap keliling tingkatnya



KEUNIKAN konsep tingkap menara condong menjadi tarikan untuk bergambar.



TANGGA kayu menghubungkan pelawat setiap aras berbeza sehingga ke tingkat tiga bangunan itu.



HIASAN dan ukiran dengan elemen seni bina Cina.



TANGKI air yang asal masih terpelihara sehingga sekarang.



30 MAR 1963
U.R.D.
M3PJ

FOTO ESEI

Teluk Intan

terdapat bumbung hiasan.

Baik bentuk luaran, gerbang, bumbung genting dan hiasan jubin, bentuk tingkap dan ukiran-ukiran kayunya mempunyai nilai tinggi budaya Cina pada masa itu.

Kunjungan anda ke Teluk Intan tidak sempurna jika tidak singgah ke sini walaupun sekadar merakam foto.

MENARA Pisa di Itali yang terletak sebalik gereja besar ini mula condong ke arah tenggara selepas bermulanya pembinaan pada tahun 1173.

PENULIS (kiri) bersama rakan-rakan tidak melepaskan peluang bergambar berlatar belakang menara condong seakan-akan bentuk pagoda.

